

Mengenal Allah

Pernah Nabi (S.A.W) menyatakan dengan sabdanya berbunyi *man 'arafa nafsahu fa qad 'arafa rabbah* artinya: “Siapa yang telah mengenal dirinya, maka ia mengenal Tuhannya.” Bermakna dengan tafakur atas diri sendiri dan sifat-sifat manusia akan dapat pula mengenal Allah.

(Oleh: Imam Ghazālī)

Tetapi banyak juga manusia yang sudah bertafakur atas dirinya sendiri tidak dapat mengenal Allah. Kalau terjadi demikian, mesti dicari jalan lain. Untuk mencapai ilmu itu ada dua cara: Pertama agak sulit difahamkan hingga tidak dapat masuk di akal, maka yang pertama ini baiklah diketepikan sahaja. Adapun yang kedua caranya seperti berikut:

Apabila seseorang itu bertafakur atas dirinya sendiri, maka ia akan dapat mengetahui bahawa dirinya itu pada masa dahulunya tidak pernah ada — sebagai yang tersebut dalam al-Qur’ān *awa lā yadhkuru al-insānu annā khalaqnāhu min qablu wa lam yaku shay’an* yang artinya: “Tidakkah manusia itu ingat bahawa Kami (Allah) jadikan dia dahulu sedang dia belum ada sesuatu apa pun.” Kemudian manusia itu akan mengetahui bahawa ia sebenarnya dijadikan dari setitis air yang tidak mempunyai akal sedikit pun, tidak pula mempunyai pendengaran, penglihatan, kaki, tangan, kepala dan sebagainya. Dari sinilah manusia akan mengetahui dengan terang dan nyata bahawa tingkat kesempurnaan yang dicapainya bukan dia sendiri yang membuatnya, kerana sehelai rambut pun manusia tak sanggup membuatnya.

Alangkah lemah dan hinanya manusia itu di kala ia hanya merupakan setitis mani. Begitulah yang telah kita ketahui di dalam bahagian pertama, bahawa manusia itu

menemukan dirinya dalam kejadian yang kecil jika dibandingkan dengan kekuasaan, kebijaksanaan dan kasih sayang Tuhan.

Jika sekiranya para filsuf yang cerdik pandai dari seluruh dunia ini dikumpulkan dan mereka memperpanjangkan umur mereka dengan waktu yang tak terbatas, kemudian mereka disuruh merubah atau mengubah sesuatu bahagian dari tubuh badan manusia, maka betapa pun pandainya dan cerdik cendekianya tidak akan sanggup melaksanakannya. Sebagai contoh perhatikanlah betapa rapinya gigi bawah dan atas di dalam mengunyah makanan di mana benda-benda telah bekerjasama dengan lidah, air liur terus menuju ke rongkongan dalam menelan sesuatu makanan itu maka kita akan berfikir, bahawa bagaimana pun juga manusia itu tidak akan sanggup merubah atau menambah susunan alat-alat badan itu. Seperti halnya susunan tangan yang mempunyai lima jari di mana jari-jari itu tidak sama panjangnya, dapat digunakan untuk memegang, membawa atau melempar, maka dengan terus terang dengan jalan mana pun juga manusia itu tidak akan sanggup merubah dan menambah susunan jari-jari tadi.

Tafakur Kepada Sifat-sifat Allah

Apabila manusia itu berfikir lebih jauh maka ternyata ia di dalam kehidupannya akan menghajatkan berbagai macam

keperluan seperti makanan, pakaian, perumahan dan sebagainya. Kesemuanya itu telah tersedia lengkap di dalam perbendaharaan bumi. Manusia menjadi sedar memikirkan sifat *Rahman* dan *Rahim* Allah yang sedemikian besarnya sebagaimana kekuasaan dan kebijaksanaan-Nya seperti yang difirmankan-Nya (yang ertinya) “Rahmat-Ku lebih besar daripada murka-Ku.” dan mengikut sabda Nabi (S.A.W) (yang ertinya) “Allah lebih kasih sayang kepada pesuruh-pesuruh-Nya daripada seorang ibu kasih sayang kepada bayinya.”

Demikianlah alam dunia yang diciptakan oleh Allah penuh berisi keajaiban-keajaiban rangka jasad sebagai bukti kekuasaan dan kebijaksanaan-Nya dan penuh pula dengan berbagai alat kelengkapan yang dibuatnya sebagai tanda kesayangan untuk berbagai keperluan hidup manusia, dengan demikian tahulah manusia bahawa Allah itu ada. Jadi nyatalah sudah bahawa penelitian dan mengenali diri sendiri itu akan menjadi anak kunci untuk mengenali Allah.

Sifat-sifat manusia bukan sahaja menjadi gambaran akan sifat-sifat Allah, bahkan juga ragam adanya jiwa manusia dapat membawa keinsafan kepada pengertian akan adanya Allah. Maksudnya bahawa kedua-duanya iaitu Allah dan roh adalah sesuatu yang ghaib, tidak terpisah-pisah, tidak terbatas oleh waktu dan ruang, tidak berbilang dan berupa, juga tidak berbentuk, berwarna dan berukuran. Manusia mendapat kesukaran dalam menerima gambaran yang disebutkan tadi yang menyebutkan “tidak berbilang, berupa....” dan sebagainya.

Tetapi kesukaran-kesukaran yang serupa yang dirasakan oleh fikiran-fikiran kita sehari-hari seperti: Marah, sakit, gembira atau cinta. Kesemuanya itu merupakan faham fikiran dan tidak dapat diketahui oleh otak, oleh kerana bentuknya dan bilangannya. Seperti halnya telinga tidak dapat mengenal warna, mata tidak dapat mengenal suara,

dan begitu pula di dalam mengertikan kenyataan-kenyataan yang pokok yakni Tuhan dan roh, kita sendiri hanya dapat sampai pada batas-batas yang dapat dicapai oleh fikiran kita, lebih dari itu akal fikiran kita tidak sanggup lagi memikulnya. Begitu jauh betapa pun kita dapat melihat, bahawa Allah yang mengatur alam semesta dan Allah itu tidak mengenal ruang dan masa, rupa dan bilangan, memerintah segenap perkara yang demikian keadaannya. Begitu pulalah akan hal rohani itu mengatur badan jasmani dan segenap anggotanya, dia sendiri keadaannya tidak terpisah-pisah dan tidak tentu tempat kediamannya dan sesuatu bahagian badan. Mungkin timbul pertanyaan, mengapa yang tidak dapat dipisah-pisah itu dapat ditentukan tempatnya pada sesuatu yang dapat dipisah-pisah? Untuk menjawab pertanyaan ini, kita tunjukkan kepada sabda Nabi (S.A.W) yang maksudnya: “Allah menjadikan manusia mengikut apa yang dikehendaki-Nya.”

Dan apabila kita telah sampai kepada tingkat mengenal inti dan sifat-sifat Allah, kerana kita telah bertafakur kepada inti dan sifat-sifat Allah, juga kerana kita telah bertafakur kepada inti dan sifat-sifat rohani, maka akan tibalah saatnya bagi kita memahami cara-cara berlakunya pemerintahan Allah serta di dalam hal memberikan kekuasaan kepada para malaikat-malaikat-Nya oleh hasil penyelidikan bahawa setiap kita adalah memerintah akan sebuah kerajaan kecil di dalam diri kita sendiri.

Seorang Raja Di Dalam Lukisan Yang Sangat Kecil

Untuk menjadi misalan baiklah digambarkan seperti berikut: Kalau seorang itu hendak menulis nama Allah, mula-mula kehendaknya itu dilukiskannya di dalam hatinya, kemudian dibawa ke dalam otaknya oleh “*rūh al-ḥayāh*” untuk menyusun kalimah “Allah” dan mengambil bentuk di dalam fikiran otak, selanjutnya ia berjalan dengan aliran-aliran

saraf dengan menggerakkan jari-jari di mana digerakkan *qalam* (pena), dan dengan begitu terwujudlah tulisan “Allah” di atas kertas itu, tepat sebagaimana yang telah digambarkan di dalam otak si penulis tadi. Begitu pula, maka apabila Allah menghendaki sesuatu, maka Ia timbulkan di dalam bidang rohani yang di dalam al-Qur’ān disebut “*al-‘Arsh*” (Takhta) dan dari Takhta itu Ia salurkan dengan aliran rohani ke arah bidang di sebelah bawah yang disebut dengan “*al-Kursī*” kemudian bentuknya itu timbul di atas “*al-Lawh al-Mahfūz*” dan dengan perantaraan kekuasaan-Nya yang disebut “*Malā’ikah*” baharulah dinaikkan ke alam kenyataan di atas muka bumi di dalam bentuk tumbuh-tumbuhan, pohon-pohonan dan binatang-binatang sebagai halnya penulis surat yang diceritakan di atas tadi menjelmakan keinginan yang dilukiskan lebih dahulu di dalam hatinya dan membawa bentuk di dalam otak si penulis tadi.

Tidak seorang pun yang dapat mengetahui keadaan seorang Raja melainkan Raja itu sendiri. Oleh itu Allah telah menjadikan setiap kita ini adalah raja di dalam lukisan yang sangat kecil, begitulah tentang sesuatu kerajaan yang tidak terbatas menjadi tiruan kepunyaannya. Di dalam kerajaan dari manusia itu, maka “takhta” Tuhan itu diwakili oleh roh, malaikat yang tinggi oleh kalbu, “*al-Kursī*” oleh otak, “*al-Lawh al-Mahfūz*” oleh ruangan perbendaharaan fikiran. Roh itu sendiri tidak mempunyai tempat yang tertentu dan tidak dapat dipisah-pisahkan. Memerintah jasad, sebagaimana Tuhan memerintah alam semesta. Pendeknya setiap kita adalah diberi amanah dengan kerajaan kecil yang mesti diurus dan dipelihara baik-baik.

Tentang mengenai kekuasaan Allah, terdapat beberapa tingkat ilmu. Ahli ilmu alam adalah ibarat seekor semut kecil sahaja merayap di atas sehelai kertas lebar

mengamat-amati huruf-huruf bintang yang tersebar di atasnya. Begitu pula ahli ilmu falak adalah sebagai seekor semut yang agak luas pandangannya menginginkan menangkap penglihatan dengan menggerakkan *qalam* pada jari-jarinya, ertinya: Ia mengetahui bahawa segenap anasir-anasir itu adalah di bawah pengaruh bintang-bintang, tetapi tidak mengetahui bahawa bintang itu adalah di bawah kekuasaan malaikat-malaikat. Maka demikianlah, disebabkan kerana adanya tingkat perbezaan-perbezaan cara memandang manusia-manusia itu, akibatnya menimbulkan pertengkaran di dalam perlumbaan mencari jejak terhadap yang dijadikan. Mereka yang matanya belum pernah melihat di luar dunia keajaiban, adalah seperti mereka yang salah faham hingga misalnya seorang raja dipandang sebagai pesuruh yang berpangkat rendah. Hukum-hukum perwujudan mesti tetap, maka menjadi suatu kesalahan besar bila keliru memandang bahawa majikan dipandang sebagai budak khadam.

Selama masih ada peninjau-peninjau yang berbeza-beza di dalam pandangannya tentang sifat-sifat ini, seharusnya pertengkaran itu disingkirkan. Hal yang serupa itu dapat dimisalkan seperti yang tersebut dalam sebuah cerita tentang adanya beberapa orang yang buta. Mereka yang buta matanya itu telah sama-sama mendengar berita bahawa ada seekor gajah telah datang ke tempat mereka. Ingin hati mereka untuk menyaksikan dan membuktikannya. Satu-satunya pengetahuan yang dapat mereka capai ialah dengan jalan menggunakan akal masing-masing untuk meraba badan atau anggota gajah itu. Tiap-tiap seorang dari mereka telah meraba gajah itu: Ada yang memegang kakinya, ada yang memegang belakinya, ada yang memegang telinganya, ada yang memegang badannya dan begitulah masing-masing telah meraba dengan berlain-lainan anggota badan gajah itu, maka barang sudah tentu pendapat masing-masing akan berbeza-beza dan berlain-lainan pula. Yang satu mengatakan gajah itu seperti pohon, yang lain mengatakan seperti ular, yang satu lagi mengatakan seperti daun, yang lain mengatakan seperti tilam dan lain-lain lagi. Jelasnya mereka itu masing-masing mempunyai pendapat sendiri-sendiri.

Demikian pulalah halnya dengan para ahli ilmu fizik dan para ahli ilmu falak. Mereka mengacau bilaukan hukum-hukum yang mereka lihat sendiri terhadap “Pemberi Hukum”. Kekeliruan yang serupa adalah sebagaimana yang diceritakan di dalam al-Qur’ān mengenai Nabī Ibrāhīm *‘alayhi al-salām* terhadap binatang, bulan dan matahari seraya berkata: “Inikah Tuhan saya?” tetapi kemudian atas pertunjuk Allah, maka Nabī Ibrāhīm berpaling seraya mengatakan: “Saya tidak suka kepada barang yang hilang lenyap itu.” Jelasnya Nabī Ibrāhīm menyangkal bahawa yang sebenarnya Tuhan itu tidaklah bersifat hilang lenyap yang seperti bintang, bulan dan matahari itu.

Kita mempunyai beberapa misal umum yang menunjukkan kepada kedua sebab-sebab itu, yang semestinya ditunjukkan kepada **sebab pertama** di dalam perkara yang disebut “penyakit”. Misalnya: Kalau seorang manusia telah memusatkan perhatiannya kepada kesenangan-kesenangan duniawi-duniawi ertinya dia tidak menyukai lagi kesenangan-kesenangan biasa dan nampaknya masuk ke dalam masa kesempitan, maka doktor akan berkata: “Ini disebabkan kerana banyak berhati murung, maka perlu dia diberi ini dan itu sebagai ramuan ubat-ubatnya.” Ahli ilmu alam akan berkata: “Ini, adalah disebabkan kekeringan di dalam otak yang disebabkan kerana tekanan-tekanan udara yang panas dan tidak dapat ditolong hingga sampai keadaan udara menjadi dingin.” Dan para ahli nujum akan membawa pendapatnya sendiri terhadap penyakit tadi di dalam hubungan peredaran bintang-bintang. Hanya sedemikian jauh kecerdasan yang mereka peroleh. Tidak teringat oleh mereka, bahawa sesuatu yang benar terjadi tak lain kerana Tuhan yang Maha Kuasa mempunyai perhubungan atas keselamatan diri manusia tadi, dan oleh kerana itu telah diperintahkan para hambanya, iaitu alam semesta atau anasir-anasir itu untuk menghasilkan sedemikian rupa hingga manusia itu dapat mengelakkan dari dunia dan

mengadap kepada *Khāliq* yang Maha Kuasa. Ilmu hakikat ini dapat merupakan mutiara yang berkilau-kilauan dari samudera ilmu keilhaman, dan oleh kerana itu maka bolehlah diumpamakan ilmu yang lain-lain itu hanyalah sebagai pulau-pulau kecil sahaja di dalam samudera yang luas.

Para doktor, ahli fizik dan ahli nujum itu kesemuanya juga adalah benar di dalam tiap-tiap cabang ilmu pengetahuannya, tetapi mereka itu kebanyakannya tidak melihat apakah sesungguhnya penyakit itu, maka demikianlah penyakit itu merupakan tali kasih sayang di mana Tuhan melukiskan. Penyakit itu sendiri adalah salah satu daripada bentuk-bentuk pengalaman yang dapat dicapai oleh manusia di dalam mengenal Tuhan sebagai yang telah diwahyukan kepada nabi-Nya — yang maksudnya — “penyakit-penyakit itu sendiri adalah hamba-Ku, dan bertalian dengan pilihan-Ku.”



Di Antara Kata-kata Hikmah Saiyidina ‘Alī

1. Manusia itu semuanya tidur, jika mereka telah mati barulah sedar hendak berjaga-jaga.
2. Tidaklah seseorang itu akan celaka, selagi dia tahu akan harga dirinya.
3. Seseorang itu tersembunyi di sebalik lidahnya.
4. Siapa yang manis lidahnya, banyaklah kawan-kawannya.
5. Dengan adanya kebaktian, dapat orang akan memperhambakannya.
6. Tak ada maruahnya orang yang pembohong.
7. Tak ada penyakit yang paling parah dari penyakit kejahilian.
8. Tak ada penyakit yang paling teruk dari penyakit kurang akal.
9. Seseorang itu akan menjadi musuh kepada apa yang dijahilkannya.
10. Nasihat kepada orang ramai bererti satu pukulan.